

STATUS AGAMA ANAK BAGI IBUBAPA YANG MEMELUK AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Zaini Nasohah*

Abdel Wadoud Moustafa Moursi Elseoudi**

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim***

ABSTRACT

Cases on conversion to Islam always raises conflict. This phenomenon occurred due to the existence of two different jurisdiction, they are Shariah Court and Civil Court. Among the conflicts that usually raise attention are on the status of dissolution of marriage, rights of custodianship, maintenance of children, inheritance and the religious status of children. However, discussion on children's religion usually would include on custodianship and guardianship rights. This article aims to discuss jurists view on the issue of children's religion. The discussion will also refer to decision made by Civil Court on the matter concern. Analysis made on the decided case has shown that there are several interpretation that has been made on the provision of Article 12(4) of the Federal Constitution on deciding the children religious' status, as decided by Federal Court in Shubashini's case. Referring on the decision made by Federal Court, it would be appropriate to adhere to interpretation given

* Associate Professor, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia & Associate Senior Fellow, Institute of West Asian Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, zbn@ukm.my.

** Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, wadoud@ukm.my.

*** Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, izhar@ukm.my.

on Article 12(4), to ensure the provision been respected and accepted as reference to society of multi-religious background in Malaysia. In other aspect, everyone should observe to the special position enjoys by Islam as the religion of the Federation.

Keywords: *mahkamah, status agama, Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa, kanak-kanak*

Pengenalan

Dalam sebuah negara yang berbilang bangsa dan anutan agama, isu-isu berhubung kemasukan kepada agama Islam dan konflik yang timbul daripada tindakan tersebut akan menjadi suatu perkara yang perlu ditangani secara bijak. Keindahan dan keistimewaan Islam itu sewajarnya ditonjolkan dan dalam masa yang sama cuba difahami oleh orang bukan Islam bagi menjamin kelangsungan keharmonian dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Masalah dan kontroversi di negara ini berhubung status agama anak lazimnya berlaku apabila melibatkan salah seorang daripada pasangan bukan Islam yang menukar agama kepada Islam. Ia menjadi lebih rumit lagi apabila pihak yang menukar agama kepada Islam pergi ke Mahkamah Syariah untuk menukar agama anaknya kepada Islam dan seterusnya menuntut hak hadanah, sementara yang kekal tidak Islam berusaha menuntut hak yang serupa di Mahkamah Sivil. Justeru terdapat dua bentuk undang-undang yang akan cuba menyelesaikan konflik berbangkit iaitu undang-undang syariah dan sivil di bawah dua bidangkuasa mahkamah yang berbeza iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Kedua-duanya mempunyai bidangkuasa yang tersendiri dan biasanya akan berakhir dengan konflik.

Apabila timbul konflik berkaitan status agama anak, mahkamah tidak akan terlepas daripada merujuk undang-undang sedia ada termasuk peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama bagi negara. Bagi Mahkamah Syariah pula dalam masa yang sama sudah pasti akan mempertahankan prinsip-prinsip dalam perundangan Islam di samping mengikuti apa yang termaktub di dalam akta, enakmen atau ordinan berkenaan. Situasi-situasi di atas membuka ruang yang luas untuk berlakunya konflik apatah lagi apabila melibatkan tafsiran peruntukan undang-undang.

STATUS AGAMA ANAK MENURUT PANDANGAN FUQAHA

Para fuqaha berselisih pendapat dalam perkara berkaitan status agama anak. Perbezaan-perbezaan tersebut merangkumi beberapa keadaan yang ada kaitan dengan status agama bapa, ibu atau penjaganya.

1) Status Agama Anak Orang Islam

Seciranya anak dilahirkan dalam keadaan ibu bapanya seorang Islam, maka para fuqaha bersepakat agama anak-anak tersebut adalah agama ibu bapa mereka¹. Hal seperti ini samalah juga hukumnya jika anak tersebut merupakan anak kepada seorang bapa yang beragama Islam manakala ibunya pula beragama *ahl al-Kitāb* (Kristian atau Yahudi),² kerana Islam membenarkan seorang lelaki berkahwin dengan golongan *ahl al-Kitāb* yang asli. Kaedah yang boleh disandarkan dalam keadaan ini ialah:

الصغير يتبع خير الأبوين ديناً

“Si kecil akan mengikut salah seorang ibubapa yang terbaik dari sudut agama.”³

Jelas dari kaedah ini menunjukkan bahawa agama yang terbaik adalah agama Islam dan bukan selain darinya tanpa khilaf. Ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*”

(Surah Āli ‘Imrān, 3: 19)

Berdasarkan ayat tersebut, jelas sekali menunjukkan bahawa kekuatan Islam itu lebih dominan berbanding agama-agama lain dalam semua sudut⁴. Oleh yang demikian, agama anak akan mengikut agama ibu atau bapanya yang Islam. Dalam hal ini Imam al-Kāsānī berpendapat bahawa kanak-kanak akan mengikut ibu atau bapanya yang Islam jika berlaku pertukaran agama antara mereka. Namun perlu diambil perhatian bahawa sekiranya anak tersebut dilahirkan dalam keadaan agama bukan Islam dan ibubapanya juga masih kekal

¹ Muḥammad ibn ‘Alī al-Shawkānī (1996), *Faḥḥ al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 2, h. 506.

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ Al-Qurṭubī (t.t.), *Tafsīr al-Qurṭubī*. Dimashq: Dār al-Fikr, jld. 2, h. 42.

dalam agama kafir, maka anak tersebut adalah beragama kafir iaitu mengikut agama yang sedang dianuti oleh ibu bapanya.⁵

2) Status Agama Anak Bagi Pasangan Bukan Islam Yang Memeluk Islam

Apabila berlaku pemeluk Islam oleh suami atau isteri yang asalnya bukan Islam, maka perbincangan perkara-perkara seperti tentang status penjagaan dan hak penjagaan anak, penentuan agama anak atau nafkah anak tidak dapat dielakkan. Perbahasan mengenai status agama anak pula sering dikaitkan dengan hak penjagaan anak tersebut.

a. Hak penjagaan anak bagi ibu yang enggan memeluk Islam

Seorang penganut agama *ahl al-Kitāb* (Yahudi atau Kristian) apabila suaminya menganut agama Islam dan isterinya tetap dengan agama asalnya (tidak memeluk Islam), maka anak-anak mereka yang belum sampai peringkat baligh adalah dikira sebagai penganut Islam. Persoalannya ialah apakah kesan pengislaman tersebut terhadap penjagaan anak?

Bagi pendapat mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanbalī, ternyata si ibu telah hilang kelayakan untuk menjaga dan memelihara anaknya walaupun anak tersebut masih lagi di peringkat menyusu. Ini kerana kedua-dua mazhab ini telah menyatakan persamaan agama antara pemelihara atau penjaga dan anak yang dijaga merupakan syarat utama kepada hak penjagaan anak.⁶

Pandangan ini dipegang kuat oleh ‘Abd al-Karīm Zaydān yang menegaskan bahawa anak sama sekali tidak akan mengikut agama bapa atau ibu atau kedua-duanya sekali yang bertukar ke agama lain selepas mereka menganuti Islam sebelumnya.⁷ Hal ini telah dijelaskan oleh Ibn Qudāmah al-Ḥanbalī:⁸

“Sesungguhnya anak kepada orang murtad tidak akan sama sekali mengikut agama ibubapa mereka yang murtad jika dia sememangnya dilahirkan semasa mereka (ibubapa) beragama

⁵ Al-Kāsānī (1993), *Badā’i’ al-Ṣanā’i’*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, jld.7, h. 104.

⁶ Al-Sharbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*. Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, jld.3, h. 455; Mansūr al-Bahūtī (1402H), *Kashshāf al-Qinā’ ‘an Matn al-Iqnā’*. Dimashq: Dār al-Fikr, jld. 3, h. 328.

⁷ ‘Abd al-Karīm Zaydān (2000), *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, jld. 9, h. 442.

⁸ Muḥammad ibn ‘Abd Allāh ibn Aḥmad ibn Qudāmah al-Maqdisī (1406H), *al-Mughnī*. Qāhirah: Maṭba‘ah al-Hijrah, jld. 7, h. 131.

Islam. Anak hanya boleh mengikut agama ibubapa yang Islam tetapi tidak boleh mengikut agama selain dari Islam. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang tinggi martabatnya dan tiada agama lain yang boleh menandinginya.”

Menurut pendapat muktamad dalam mazhab Maliki pula, ibu berkenaan masih berhak untuk memelihara anaknya yang kekal dengan agama Islam, sama seperti berhaknya seseorang ibu Muslim terhadap anaknya yang Muslim.⁹ Walau bagaimanapun sekiranya ibu tersebut menggunakan kesempatan tersebut untuk memesongkan agama atau akhlak anak tersebut (seperti memberikan kepada anak dengan makanan yang haram seperti khinzir dan sebagainya), maka menjadi kewajipan kepada bapa yang Islam atau pihak berkuasa Islam memastikan ia berada di bawah pengawasan orang-orang Islam. Dalam masa yang sama hak penjagaannya masih terpelihara di bawah ibu yang murtad.

Pandangan yang dikemukakan oleh mazhab Maliki boleh dianggap pandangan yang kurang praktikal dalam keadaan pihak-pihak bertikai. Ini kerana mengawasi segala tindak tanduk dan gerak geri yang dilakukan oleh wanita terbabit adalah sesuatu yang amat sukar dilakukan. Sekiranya si ibu mengetahui dirinya sedang diperhatikan maka sudah tentu ia akan berhati-hati dan akan mencari masa lain yang sesuai yang boleh merosakkan pegangan anak. Ia boleh berlaku jika si ibu memang telah meletakkan matlamat utama untuk merosak atau menukar pegangan akidah anak yang rebutan. Maka dengan ruang yang sedikitpun, kesempatan akan digunakan sebaik mungkin.

Mazhab Hanafi pula berpendapat sekiranya tidak terdapat apa-apa kesangsian terhadap ibu tersebut, maka anak tersebut hendaklah dibiarkan bersama ibunya. Sebaliknya jika terdapat kesangsian terhadap kejujurannya, perkara yang mesti dilakukan ialah melihat keupayaan akal kanak-kanak tersebut. Sekiranya kanak-kanak tersebut sudah sampai ke peringkat mengenal apa itu agama dan dibimbangi ia akan terpengaruh dengan agama atau akhlak ibunya, maka ketika itu ibunya tidak berhak lagi terhadap anak tersebut.¹⁰

Dari penjelasan yang dibuat oleh mazhab Hanafi menunjukkan mereka memperakui bahawa anak tidak sama sekali mengikut agama ibu atau bapa jika ibubapa itu keluar dari agama Islam. Anak tersebut tetap dengan agama Islam

⁹ Abū Bakr al-Kashnawī (1991), *Aṣl al-Madārik*. Urdun: Dār al-Nafā'is, jld. 2, h. 205; Muḥammad ibn 'Irfāh al-Dusūqī (1990), *Hāshiyah al-Dusūqī 'ala Sharḥ al-Kabār*. Qāhirah: Maktabah al-Tawfiqiyah, jld. 2, h. 529.

¹⁰ Muḥammad Amīn b. 'Umar Ibn 'Ābidīn (1399H), *Radd al-Muḥtār 'alā Durr al-Mukhtār bi Hāshiyah ibn 'Ābidīn*. Dimashq: Dār al-Fikr, jld. 3, h. 465; 'Abd al-Karīm Zaydān (2000), *op.cit.*, jld. 10, h. 34.

walaupun belum baligh. Malah seorang bapa yang Islam wajib mengawasi anak tersebut semasa dalam jagaan ibu semasa tempoh penyusuan. Jika bapa bayi itu merasakan yang agama anak yang sedang bawah jagaan ibu terancam, bapa ada hak untuk mengambil kembali anak tersebut daripada jagaan ibu yang telah murtad dari Islam walaupun sedang menyusu.¹¹ Menurut mazhab Hanafi juga, anak tidak akan mengikut agama ibu atau bapa yang murtad bahkan kekal dengan agama Islam apatah lagi hal sedemikian berlaku di dalam sebuah negara Islam.¹²

Kesimpulan dari pandangan-pandangan di atas menjelaskan bahawa pandangan yang diutarakan oleh para ulama dari mazhab Hanafi nampaknya adalah yang terbaik dan praktikal kerana ia mengambil kira sifat ibu dan anak sekali. Ini bermakna sekiranya ternyata si ibu melakukan perkara yang tidak baik terhadap akidah dan akhlak anaknya, dan anaknya pula sudah mula mengerti tentang dua perkara itu iaitu akidah dan akhlaknya, maka hak penjagaan gugur daripada ibu tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya si ibu memeluk Islam selepas itu, hak penjagaan anak akan kembali kepadanya.

b. Hak penjagaan anak bagi bapa yang enggan memeluk Islam

Sekiranya seorang wanita memeluk agama Islam dan suaminya kekal di dalam agama asalnya, maka anak mereka dianggap menganut Islam. Ini kerana seorang anak yang belum baligh adalah mengikut agama yang terbaik salah seorang dari kedua ibu bapanya ditambah pula ibu mempunyai hak hadanah terhadap anak. Sekiranya tiada sesiapa yang hendak menjaga anak tersebut melainkan bapanya yang murtad, maka dalam hal ini para ulama mempunyai pandangan yang berbeza. Ia adalah seperti berikut:

Mazhab Shafi'i¹³ Hanbali¹⁴ dan sebahagian dari ulama Hanafi¹⁵ telah bersepakat mengatakan bapa yang bukan Islam tidak mempunyai hak hadanah terhadap anaknya yang Muslim. Mazhab Shafi'i dan Hanbali dari awal lagi telah mensyaratkan sedemikian.

¹¹ Al-Kāsānī (1993), *op.cit.*, jld.7, h. 131.

¹² *Ibid.*

¹³ Al-Sharbīnī (t.t.), *op.cit.*, jld. 4, hh. 141-142; Ibrāhīm ibn 'Alī ibn Yūsuf al-Fairūz Ābādī al-Shīrāzī (t.t.), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Shāfi'ī*. Dimashq: Dār al-Bashā'ir, jld. 18, h. 20.

¹⁴ Al-Bahūtī (1402H), *op.cit.*, jld. 4, h. 137.

¹⁵ Al-Kāsānī (1993), *op.cit.*, jld. 7, h. 334.

Manakala mazhab Hanafi pula mensyaratkan Islam untuk hak hadanah kerana hadanah bagi pihak lelaki (seperti bapa, datuk sebagainya) terbina di atas hukum perwarisan harta. Oleh kerana perwarisan harta terhalang dengan berbezanya agama, maka begitulah juga dengan hadanah akan terbatal ke atas bapa dengan berlakunya pertukaran agama bapa itu kepada bukan Islam.¹⁶

Mazhab Maliki¹⁷ mengharuskan hadanah seorang bapa yang bukan Islam terhadap anaknya yang Muslim. Ini kerana mazhab ini dari awal lagi tidak mensyaratkan persamaan agama sebagai sahnya hadanah. Cuma ia tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh mazhab iaitu si penjaga tidak mengambil kesempatan untuk menukar agama anak mereka yang beragama Islam. Jika hal ini berlaku, maka mereka dilarang untuk mendapat hak hadanah.

c. Hak Penjagaan Anak bagi Kaum Kerabat Yang Tidak Memeluk Islam

Seorang kanak-kanak yang beragama Islam kerana kedua ibu bapanya atau salah seorang dari keduanya memeluk Islam, kemudian kedua-duanya meninggal dunia, adakah hak hadanah kanak-kanak tersebut bertukar ke tangan kaum kerabatnya yang bukan Islam.

Seperti yang disebutkan sebelum ini bahawa fuqaha Shafi'i¹⁸ dan Hanbali¹⁹ tidak membenarkan sama sekali seorang kanak-kanak Islam dipelihara oleh seseorang yang bukan Islam walaupun ibu bapanya sendiri. Maka hak hadanah kaum kerabatnya yang bukan beragama Islam lebih wajar digugurkan.

Mazhab Maliki²⁰ pula tidak mensyaratkan persamaan agama antara orang yang memelihara dan yang dipelihara, maka soal hak hadanah yang diserahkan kepada orang yang bukan Islam tidak harus dipersoalkan lagi tentang keharusannya. Tetapi keharusan tersebut masih tertakluk kepada syarat-syarat yang telah disebutkan.

Mazhab Hanafi²¹ pada dasarnya membenarkan hak hadanah diberikan kepada kaum kerabat yang bukan Islam, tetapi mereka mensyaratkan kaum

¹⁶ Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *al-Aḥwāl al-Shakhsīyyah*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 434.

¹⁷ Al-Kashnawī (1991), *op.cit.*, jld. 2, h. 206; al-Dusūqī (1990), *op.cit.*, jld. 2, h. 530.

¹⁸ Al-Sharbīnī (t.t.), *op.cit.*, jld. 4, hh. 141-142; al-Shīrāzī (t.t.), *op.cit.*, jld. 18, h. 20.

¹⁹ Al-Bahūtī (1402H), *op.cit.*, jld.4, h. 137.

²⁰ Al-Kashnawī (1991), *op.cit.*, jld. 2, h. 207; al-Dusūqī (1990), *op.cit.*, jld.2, h. 531.

²¹ Al-Kāsānī (1993), *op.cit.*, jld. 7, h. 335.

kerabat yang mempunyai hak tersebut mestilah golongan perempuan (saudara kandung perempuan kanak-kanak tersebut).²² Ini kerana hadanah bagi pihak lelaki terbina di atas hukum perwarisan harta. Oleh kerana perwarisan harta terhalang dengan berbezanya agama, maka begitu juga dengan hadanah.

Seperti yang telah dinyatakan di atas juga bahawa di sisi mazhab Shafi'i hak hadanah kanak-kanak yang beragama Islam berikutan pemeluk Islam ibubapanya atau salah seorang dari mereka dan tidak harus diberikan kepada kaum kerabatnya yang bukan Islam. Persoalannya ialah bagaimana sekiranya semua kaum kerabatnya bukan penganut Islam?

Sekiranya keadaan seperti di atas berlaku, maka hak hadanah tersebut dipertanggungjawabkan kepada umat Islam atau kerajaan Islam di negara Islam. Mereka boleh melantik sesiapa yang layak untuk menjaganya. Segala perbelanjaan penjagaan tersebut diambil daripada harta kanak-kanak tersebut jika mereka mempunyai harta. Sekiranya dia tidak mempunyai harta perbelanjaan itu diminta daripada orang yang bertanggungjawab memberi nafkah kepadanya (seperti saudara kandung, bapa saudaranya dan kaum kerabat yang lain mengikut tertib yang telah digariskan walaupun mereka bukan penganut Islam). Sekiranya kaum kerabatnya juga tidak berupaya menyediakan perbelanjaan yang sepatutnya, maka perbelanjaannya dipertanggungjawabkan ke atas Baitulmal Muslimin. Badan-badan ini wajib memainkan peranan untuk menjaga kebajikan mereka dalam semua keadaan sehinggalah mereka dewasa (baligh).

PENENTUAN STATUS AGAMA KANAK-KANAK MENURUT PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN UNDANG-UNDANG LAIN DI MALAYSIA

Apabila membahaskan tentang status agama seseorang dalam konteks Malaysia, perkara yang menjadi isu biasanya timbul jika individu tersebut dikategorikan sebagai 'bawah umur' menurut Perlembagaan atau dipanggil sebagai 'kanak-kanak'.²³ Mereka ini berumur 18 tahun ke bawah. Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

²² *Ibid.*, jld. 4, h. 42.

²³ Menurut Perkara 1, Bahagian 1, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kanak-Kanak ertinya tiap-tiap manusia di bawah umur lapan belas tahun melainkan jika undang-undang negaranya mengiktiraf umur dewasanya sebelum itu. Malaysia menerima pakai semua perkara dalam konvensyen ini kecuali Perkara 1, 2, 7, 13, 14, 15, 28(1)(a) dan 37.

“For the purpose of Clause (3), the religion of person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guardian.”²⁴

Berdasarkan tinjauan terhadap contoh-contoh kes yang telah diputuskan di Mahkamah Sivil, antara perkara yang lazim menjadi konflik dalam peruntukan di atas adalah berkenaan perkataan ibu bapa (*parent*). Ia di sekitar tafsiran sama ada ‘*parent*’ itu bermaksud ibu dan bapa, bapa sahaja atau ibu sahaja.²⁵ Tafsiran tersebut tentunya memberi kesan yang berbeza apabila melibatkan pertikaian status agama kanak-kanak dimana ibu bapanya berlainan agama dan ibu bapa tersebut saling bertikai siapakah yang berhak menentukan agama anak mereka yang masih kanak-kanak.

Bagi pihak yang telah beragama Islam, mereka mempunyai remedi dan menuntut hak mereka di Mahkamah Syariah. Bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk memutuskan hal sedemikian adalah jelas. Seksyen 95, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Akta 505) misalnya memperuntukkan:²⁶

“Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang tidak beragama Islam boleh masuk Islam jika dia sempurna akal dan –

(a) Mencapai umur lapan belas tahun; atau

(b) Jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu atau bapa atau penjaganya mengizinkan kemasukannya.”²⁷

Konflik lazimnya akan timbul jika pihak yang satu lagi mempertikaikan hak pasangannya yang telah masuk Islam kerana mengislamkan anak hasil perkahwinan tersebut dan tuntutan tersebut pula dibuat ke Mahkamah Sivil. Perlu diingat bahawa Mahkamah Sivil juga mempunyai bidangkuasa di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

²⁴ Fasal 3, Perkara 12 ini menyatakan: “Tiada sesiapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa ugama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu ugama yang lain daripada ugamanya sendiri”.

²⁵ Seksyen 2 (95), Jadual Kesebelas Perlembagaan Persekutuan dalam hal pentafsiran bilangan tunggal atau bilangan banyak, menyatakan: perkataan-perkataan dalam bilangan tunggal adalah termasuk bilangan banyak, dan perkataan-perkataan dalam bilangan banyak adalah termasuk bilangan tunggal (*words in the singular include the plural, and the words in plural include the singular*).

²⁶ Lihat juga Seksyen 117, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; Seksyen 79, Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004; Seksyen 101, Enakmen Pentadbiran Hal Agama Islam Terengganu 2001.

²⁷ Seksyen 106 (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 pula menetapkan keizinan secara bertulis daripada ibu atau bapa atau penjaganya.

Apatah lagi apabila salah satu pihak yang bertikai itu telah diberikan hak penjagaan di bawah akta berkenaan.

Pada dasarnya, apabila seseorang diberikan hak penjagaan bererti dia juga mempunyai hak untuk menentukan status agama kanak-kanak di bawah jagaannya menurut perlembagaan. Pada ketika itulah tafsiran yang betul dan tepat terhadap peruntukan Perlembagaan Persekutuan memainkan peranan yang penting. Ini kerana dalam konteks Malaysia telah disebut secara jelas bahawa Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi bagi negara. Justeru dalam hal pertikaian siapa yang berhak menentukan status agama anak, tafsiran Perkara 12 (4) adalah amat penting dan memberi kesan yang cukup besar kepada kedua-dua pihak. Ia bukan sahaja melibatkan soal kasih sayang semata-mata tetapi yang lebih besar dan rumit lagi iaitu mempertahankan pegangan agama masing-masing.

Terdapat beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah dilihat telah membawa pendekatan yang berbeza. Sebahagian kes menyentuh secara langsung pemakaian perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan ada pula kes yang hanya berkisar sekitar persoalan bidangkuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta sama ada antara kedua-dua mahkamah tersebut boleh saling membatalkan perintah mahkamah yang lagi satu.

Dalam perkembangan kes *Subashini a/p Rajasingam lwn. Saravanan a/l Thangathoray*²⁸ yang diputuskan Mahkamah Persekutuan, mahkamah dalam memberi tafsirannya terhadap perkara 12 (4) menyatakan bahawa keagamaan seseorang di bawah umur 18 tahun akan ditentukan oleh ibubapa atau penjaga, bermaksud seorang ibu atau bapa. Dengan itu, Perkara 12(4) tidak sepatutnya dibaca sebagai termaktub hak memilih agama kepada kedua-dua ibu bapa. Hakim Abd Aziz Mohamad dalam ulasan penghakimannya menyatakan: Meskipun bersetuju dengan maksud '*parent*' di mana maksud asal '*parent*' adalah '*a father or mother*', frasa yang relevan di Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan telah, dengan itu, patut dibaca sebagai '*by his father or mother or guardian*'. Tetapi menurut beliau, ini tidaklah pula bermaksud bahawa seorang lagi ibu atau bapa tidak mempunyai hak untuk membantah ataupun menghalang anaknya daripada diajar agama tersebut ataupun menukarkan agamanya kepada Islam.

Walaupun dalam kes tersebut mahkamah telah turut menyatakan bahawa pihak satu lagi masih ada ruang untuk membuat bantahan terhadap penukaran agama tersebut, keputusan mahkamah tertinggi negara itu sepatutnya dilihat dan diperakukan sebagai telah menjawab percanggahan-percanggahan

²⁸ [2008] 2 MLJ 147.

keputusan beberapa mahkamah yang lebih rendah sebelumnya. Pandangan dan pendekatan yang berbeza boleh dilihat seperti dalam kes *Chang Ah Mee lwn. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah & Ors*,²⁹ kes *Gengga Devi a/p Chelliah lwn. Santanam a/l Damodaram*³⁰ dan kes *Nenduchelian v. Uthiradam v. Nurshafiqah Mah Singai Annal & 9 Ors*³¹. Dalam ketiga-tiga kes ini, antara isu yang berbangkit adalah di sekitar persoalan siapakah pihak yang berhak menentukan agama kanak-kanak bawah umur iaitu sama ada cukup dengan persetujuan salah seorang ibu bapa atau penjaga, atau perlu persetujuan keduanya sekali.

Dalam kes *Chang Ah Mee lwn. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah & Lain-lain*, Mahkamah Tinggi Sivil Kota Kinabalu menyatakan bahawa, adalah menjadi hak kedua-dua ibubapa untuk menentukan agama anak di bawah umur dewasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Dalam erti kata lain, ibu bapa ada hak sama rata. Kes ini adalah berkaitan satu permohonan yang dibuat oleh plaintif, Chang Ah Mee, iaitu ibu kepada seorang kanak-kanak bernama Staphie Khoo untuk mengisytiharkan bahawa pemeluk Islam kanak-kanak tersebut yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Majlis Ugama Islam Sabah pada 17 Julai 1998 adalah tidak sah dan batal.

Mahkamah dalam mentafsirkan peruntukan seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah 1992 telah turut merujuk kepada kandungan peruntukan seksyen 5, Bahagian 54 Ordinan Penjagaan Kanak-kanak dan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992 menyatakan:

“For the purpose of this Part, a person who is not a Muslim may convert to Islam if he attains the age of baligh according to Islamic Law and provided that if a person is below eighteen (18) years of age consent shall be obtained from the parents or his guardian.”

Mahkamah berpendapat perkataan ‘*parents*’ yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut bersifat ‘*plural*’ yang pemahaman rasminya merujuk kepada bapa dan ibu (atau seseorang yang berperanan sedemikian). Peruntukan juga ada menyebut tentang ‘*consent*’ iaitu persetujuan. Kata sendi ‘*or*’ dalam peruntukan berkenaan menunjukkan kepada maksud, persetujuan hendaklah diperolehi sama ada daripada kedua ibubapa atau penjaganya. Menurut mahkamah, terma ‘*guardian*’ dan peranannya adalah berkaitan secara

²⁹ [2003] 5 MLJ 106.

³⁰ [2001] 2 CLJ 359.

³¹ [2005] 2 CLJ 306.

langsung dengan peruntukan Bahagian 54, Ordinan Penjagaan Kanak-Kanak.³² Ordinan ini memberikan hak yang sama rata kepada ibu dan bapa. Oleh kerana itu menurut mahkamah, '*guardian*' mestilah bermaksud ibu dan bapa sebagaimana hak sama rata yang diberikan kepada '*guardian*' oleh Ordinan Penjagaan Kanak-kanak (Pindaan) 1999.

Berkaitan peruntukan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan pula, walaupun pihak defendan berhujah bahawa '*parent*' dalam peruntukan ini bermaksud salah seorang sama ada ibu atau bapa namun mahkamah berpendapat sebaliknya. Perkataan tersebut sudah semestinya bermaksud kedua-dua ibu dan bapa sekiranya kedua-duanya masih hidup. Ini kerana menurut mahkamah, Perlembagaan Persekutuan tidak mendiskriminasikan soal jantina. Malah Ordinan Penjagaan Kanak-kanak juga memberikan hak sama rata.

Dalam kes ini akhirnya mahkamah memutuskan bahawa pemelukan seorang kanak-kanak yang telah diberi nama Islam sebagai Faridah Ibrahim Khoo adalah tidak sah dan tidak menurut undang-undang kerana tidak memenuhi keperluan peruntukan seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992. Kanak-kanak dalam kes ini berumur dua tahun dan belum mencapai umur baligh. Justeru pada pendapat mahkamah perlu kepada persetujuan kedua-dua ibu bapanya dan bukan bapa atau ibunya sahaja.

Dalam kes *Genga Devi a/p Chelliah lwn Santanam a/l Damodaram*,³³ pemohon dan penentang telah berkahwin mengikut istiadat Hindu pada tahun 1987. Mereka mendapat seorang anak lelaki. Penentang kemudiannya memeluk agama Islam pada 24 April 1997 dan telah berjaya mendapatkan perintah hak penjagaan anak yang diberikan oleh Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar, Alor Setar. Pemohon telah memfailkan satu saman pemula antara lain untuk mendapatkan deklarasi bahawa perintah yang bertarikh 24 April 1997 yang dibuat oleh Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar batal kerana *ultra vires* dan tidak sah di sisi undang-undang, dan satu perintah supaya perintah Mahkamah Syariah tersebut dibatalkan.

Isu yang dipertimbangkan ialah, sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mengeneipkan perintah Mahkamah Syariah? Mahkamah memutuskan, Mahkamah Sivil tidak boleh campurtangan dalam perkara-perkara yang tertakluk di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Oleh itu, Mahkamah Tinggi tidak ada bidang kuasa untuk mengeneipkan perintah

³² Sebelum pindaan pada 1 September 1999, seksyen 5 Ordinan ini memberi keutamaan hak kepada bapa ke atas diri atau harta kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dengan pindaan yang dibuat, hak sama rata diberikan kepada bapa dan ibu.

³³ [2001] 2 AMR 1485.

Mahkamah Syariah. Permohonan pemohon adalah di luar aturan dan bertentangan dengan undang-undang.

Mengulas isu penentuan agama pula, hakim berpendapat penentang sebagai bapa kandung anak tersebut mempunyai hak menentukan anutan agama anaknya. Mahkamah juga berpendapat, Mahkamah Syariah telah bertindak di dalam bidang kuasanya yang eksklusif dengan memberikan hak penjagaan anak kepada bapa dan mengesahkan pengislaman anak tersebut. Jelas dalam kes ini asas keputusan mahkamah adalah berdasarkan soal bidangkuasa. Mahkamah menegaskan bahawa Mahkamah Sivil tidak ada bidangkuasa untuk membatalkan perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Situasi yang hampir sama dengan persoalan yang sedikit berbeza berlaku dalam kes *Nedunchelian a/l V Uthiradam v Nurshafiqah binti Mah Singai Annal @ Valarmathy a/p Mah Singai Annal & 9 Ors*.³⁴ Dalam kes ini defendan telah memeluk Islam dan telah mengislamkan anak hasil daripada perkahwinan mereka yang masih berada di bawah umur menurut Perlembagaan Persekutuan tanpa kebenaran bapa kanak-kanak tersebut (plaintif). Selain isu bidangkuasa, isu lain yang berbangkit adalah tafsiran kepada Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan. Pihak-pihak menghujahkan tafsiran terhadap perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada terma '*parent*' sama ada ia bermaksud '*plural*' atau '*singular*'. Mahkamah berpendapat bahawa maksud '*parent*' dalam peruntukan berkenaan adalah ibu atau bapa. Justeru mahkamah memutuskan hanya kebenaran atau persetujuan salah seorang ibu atau bapa sahaja diperlukan untuk seseorang yang masih di bawah umur memeluk agama Islam. Dalam kes ini juga didapati, Mahkamah Tinggi Sivil telah mengiktiraf asas penghakiman Mahkamah Syariah berhubung isu hak penjagaan anak serta status agama anak berkenaan.³⁵

Tafsiran seumpama dalam kes *Nedunchelian* di atas telah diketengahkan beberapa tahun kemudiannya oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *R.Subashini*³⁶ sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Ia antara lain membabitkan isu bidangkuasa Mahkamah Syariah serta tafsiran terhadap Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan.³⁷ Malangnya, keputusan tersebut dilihat masih lagi belum dapat menyelesaikan masalah secara tuntas.

³⁴ [2005] 2 CLJ 306; [2005] 2 AMR 711.

³⁵ Kes ini telah dirayu ke Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun Mahkamah Rayuan pada 24 Ogos 2009 telah membatalkan rayuan tersebut dengan kos atas alasan bahawa pihak perayu tidak berminat lagi meneruskan rayuan.

³⁶ [2008] 2 MLJ 147.

³⁷ Keputusan ini juga bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Teoh Eng Huat lwn. Kadi Pasir Mas* (1990) MLJ 301.

Terkini dalam kes *Indira Gandhi a/p Mutho lwn. Patmanathan a/l Krishnan @ Mohd Ridzuan Abdullah*,³⁸ yang dikendalikan Mahkamah Tinggi Sivil Ipoh. Pertikaian yang sama dan dengan jalan cerita yang hampir serupa muncul kembali. Dalam kes ini defendan (suami) telah memeluk Islam pada 11 Mac 2009 di Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak manakala plaintif (isteri) masih kekal beragama Hindu.³⁹

Defendan telah turut membawa bersamanya memeluk Islam tiga orang anak hasil perkahwinan dengan plaintif yang masing-masing berumur 1 tahun, 10 tahun dan 11 tahun pada 2 April 2009. Defendan kemudiannya telah memohon satu perintah hak jagaan sementara di Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh di bawah seksyen 197 dibaca bersama seksyen 201 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 dan mahkamah telah meluluskannya menerusi perintah bertarikh 8hb. April 2009. Mahkamah juga memerintahkan agar ibu atau mana-mana pihak dihalang dari mengganggu-gugat defendan serta ketiga-tiga anak tersebut.

Walau bagaimanapun, plaintif (ibu) telah berjaya 'membawa lari' daripada jagaan defendan dua daripada tiga orang anak mereka iaitu Ummu Salamah (Tevi Darsiny) yang berumur 10 dan Abu Bakar (Karan Dinesh) 11 tahun. Plaintif juga telah membuat satu permohonan di Mahkamah Tinggi Sivil Ipoh untuk mendapatkan perintah jagaan sementara pada 24 April 2009 dan mahkamah menerusi Pesuruhjaya Kehakimannya Ridwan Ibrahim telah membenarkannya sehingga tarikh pendengaran secara *interparte* yang ditetapkan pada 12 Mei 2009. Ini bermakna telah terdapat dua perintah berbeza yang dikeluarkan oleh dua mahkamah yang berbeza. Secara langsung ianya telah menimbulkan konflik antara keputusan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Pada 11 Mac 2010 Mahkamah Tinggi Sivil Ipoh telah memerintahkan hak penjagaan anak bongsu pasangan terbabit bernama Prasana Diksa yang berumur 22 bulan kepada pihak ibu.⁴⁰ Perintah tersebut nyata bertentangan dengan perintah Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh pada 29 Oktober 2009 yang memberikan hak hadanan ketiga-tiga anak yang telah diislamkan kepada pihak bapa. Meskipun isu di peringkat Mahkamah Tinggi ini masih disekitar isu bidangkuasa mahkamah yang mendengar, namun hampir pasti isu tafsiran Perkara 12(4)

³⁸ *Utusan Malaysia*, 6 Mei 2009.

³⁹ Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri Perak.

⁴⁰ *Bernama*, 11 Mac 2010; Pada 20 Mac 2010, plaintif telah memulakan usaha untuk prosiding menghina mahkamah terhadap defendan. Plaintif mendakwa, defendan telah gagal mematuhi perintah Mahkamah Tinggi Sivil pada 11 Mac 2010 supaya menyerahkan anak perempuan mereka yang berumur 22 bulan kepada plaintif.

Perlembagaan Persekutuan akan timbul sekiranya kes tersebut berlanjutan dan penentuan status agama anak dibangkitkan.

Isu-isu seumpama ini menjadi bertambah rumit apabila pihak yang tidak sepatutnya mencampuri perkara kehakiman telah campur tangan. Sebagai contoh, satu kenyataan kabinet telah dikeluarkan pada 23 April 2009 yang menyatakan bahawa ‘kanak-kanak bawah umur akan mengikut agama asal ketika ibu bapa berkahwin, sungguhpun selepas salah seorang pasangan itu bertukar agama’.⁴¹ Kenyataan tersebut adalah kenyataan yang datang daripada pihak ‘eksekutif’ yang seolah-olah satu arahan kepada badan ‘judikatif’. Fakta kenyataan yang dikeluarkan itu juga jelas bertentangan dengan hukum Syarak selain dilihat boleh membantutkan hasrat seseorang yang ingin memeluk agama Islam. Rasa serba salah mungkin akan terbit kerana terpaksa meninggalkan anak-anak yang belum dewasa dengan agama asal. Oleh kerana itu, adalah amat wajar apabila Majlis Raja-raja pada 29 Jun 2009 membuat ketetapan agar diperolehi terlebih dahulu pandangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri berhubung isu status agama kanak-kanak bawah umur.

CUBAAN PENDEKATAN SITUASI MENANG-MENANG

Melihat kepada konflik yang sedang berlaku, jalan penyelesaiannya bukan suatu yang mudah kerana melibatkan sentimen agama dan bukan setakat fakta undang-undang atau hukum Syarak. Jika ditinjau kembali pendekatan yang dianjurkan oleh Syarak, terdapat para fuqaha turut melihat faktor kejujuran pihak yang mendapat hak hadanah sekiranya pihak yang mendapat hak tersebut bukan beragama Islam. Maksudnya, orang yang mendapat hadanah itu (sekiranya diberi) tidak boleh cuba mempengaruhi anak berkenaan untuk cenderung kepada agama bukan Islam yang dianuti oleh *hadīnah*. Persoalannya, sejauhmana pendekatan tersebut boleh diaplikasikan dalam konteks Malaysia? Ada yang berpendapat, bagi negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, pandangan yang dipegang oleh ulama yang membenarkan seseorang bukan Islam untuk mendapatkan hak hadanah wajar diambil kira.⁴² Bagi kanak-kanak yang berumur satu tahun misalnya, dari segi adatnya anak itu amat memerlukan ibunya. Apa implikasinya jika anak itu diislamkan oleh bapanya yang telah memeluk agama Islam sedangkan ibunya masih kekal bukan Islam?

⁴¹ *Berita Harian*, 24 April 2009.

⁴² Normi Abdul Malek (2007), “Hadanah”, dalam Najibah Mohd Zain *et al.*, *Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, jld. 14, h. 197.

Para ulama Hanafi dan Maliki misalnya tidak meletakkan syarat Islam sebagai syarat *ḥaḍīnah* (penjaga). Tetapi mereka tetap meletakkan syarat lain. Kanak-kanak tersebut boleh berada di bawah jagaan *ḥaḍīnah* yang bukan Islam sehinggalah dia mampu berfikir tentang keagamaan. Hak jagaan juga akan tamat jika kanak-kanak tersebut tidak terjamin keselamatan akidahnya sekiranya kekal bersama *ḥaḍīnah* berkenaan. Ulama Maliki pula memastikan bahawa *ḥaḍīnah* yang bukan Islam itu tidak mendedahkan kanak-kanak tersebut kepada yang tidak sepatutnya seperti memberi makanan atau minuman yang haram dan lain-lain lagi. Jelas di sini, faktor kejujuran amat penting. Ini bermakna sekiranya jaminan daripada pengaruh agama atau akidah tidak dapat diberikan atau dibuktikan gagal diberikan, maka hak jagaan hendaklah tetap diberikan kepada pihak yang telah memeluk Islam sebagaimana pendapat jumhur fuqaha.

Di Malaysia, pendekatan ini kelihatan telahpun cuba digunakan oleh Mahkamah Sivil beberapa tahun lalu dalam kes *Shamala*.⁴³ Mahkamah memberikan hak jagaan kepada pihak plaintif. Mahkamah juga mengingatkan bahawa hak jagaan akan berakhir jika plaintif membuat apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan anutan agama anak-anaknya seperti memberi makanan tidak halal.⁴⁴ Namun dalam kes ini plaintif yang telah diberikan hak *actual custody* (dalam keadaan kanak-kanak itu telah diislamkan oleh defendan) telah membawa kanak-kanak tersebut jauh daripada bapanya. Malah, hak lawatan sekali dalam masa dua minggu juga yang diperintahkan oleh mahkamah juga telah gagal dipatuhi. Pihak bapa mendakwa telah lima tahun tidak dibenarkan menemui anak-anaknya meskipun mahkamah telah membuat perintah membenarkan.⁴⁵ Keadaan-keadaan sedemikianlah yang memungkinkan semangat keharmonian serta saling mempercayai antara pihak-pihak yang sudah berlainan anutan agama sukar dibentuk seterusnya mencetuskan konflik yang berpanjangan.

KESIMPULAN

Dalam sebuah negara yang bersifat majmuk dan pelbagai anutan agama, sikap saling menghormati kelompok bangsa dan agama lain adalah amat penting.

⁴³ *Shamala a/p Sathiyaseelan lwn. Dr. Jeyaganesh a/l C Mogarajah*, [2004] 2 MLJ 241.

⁴⁴ Narizan Abdul Rahman (2007), "Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 135.

⁴⁵ *Berita Harian*, 29 April 2009.

Penentuan status agama kanak-kanak dalam konteks di Malaysia sebenarnya masih dapat diselesaikan menerusi saluran perundangan sekiranya perundangan itu sendiri jelas, pelaksanaannya jelas dan peruntukan perundangan dipatuhi tanpa dikuasai emosi keagamaan termasuklah kepada keputusan-keputusan mahkamah tertinggi. Emosi dan sentimen yang berlebihan tanpa asas fakta boleh mengikis sifat saling mempercayai serta toleransi. Selain itu, Malaysia yang dilabelkan sebagai sebuah negara yang memberi keutamaan kepada Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sudah sewajarnya memastikan peruntukan perundangan yang ada tidak merugikan umat Islam ketika menjaga hak-hak agama lain. Dengan lain perkataan, hukum Syarak hendaklah sentiasa diutamakan di samping melihat kepada peruntukan perundangan. Ia bukanlah suatu yang pelik atau asing kerana 'Islam adalah agama bagi Persekutuan', maka wajarlah pemakaian prinsip-prinsip Islam diutamakan, dihormati serta diterima oleh penganut agama lain atas semangat Perlembagaan Persekutuan yang diterima bersama.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydān (2000), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Bahūtī, Maṣṣūr ibn Yūnus al- (1402H), *Kashshāf al-Qinā’ an Matn al-Iqnā’*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Dusūqī, Muhammad ibn ‘Irfah al- (1990), *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā Sharḥ al-Kabīr*. Qāhirah: Maktabah al-Tawfīqiyyah.
- Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amīn b. ‘Umar (1399H), *Radd al-Muḥtār ‘alā Durr al-Mukhtār bi Ḥāshiyah ibn ‘Ābidīn*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥazm, Muḥammad ‘Alī ibn Aḥmad (t.t.), *al-Muḥallā*. Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, Muḥammad ibn ‘Abd Allāh ibn Aḥmad (1406H), *al-Mughnī*. Qāhirah: Maṭba‘ah al-Hijrah.
- Kāsānī, Abū Bakr Ibn Mas‘ūd al- (1993), *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Kashnawī, Abū Bakr al- (1991), *Aṣl al-Madārik*. Urdun: Dār al-Nafā’is.
- Khaṭṭāb, Muḥammad ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Raḥmān al- (1412H), *Mawāhib al-Jalīl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiy.

- Narizan Abdul Rahman (2007), “Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nawawī, Yaḥyā ibn Sharf al- (1995), *al-Majmū Sharḥ al-Muhadhdhab*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Normi Abdul Malek (2007), “Hadanah”, dalam Najibah Mohd Zain *et al.*, *Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Qurṭubī, Muhammad ibn Aḥmad al-Anṣārī al- (t.t.), *Tafsīr al-Qurṭubī*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Rāzī, Muḥammad ibn Abī Bakr al- (t.t.), *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Sharbīnī, al-Khaṭīb al- (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*. Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Shawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī al- (1996), *Fath al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Shīrāzī, Ibrāhīm ibn ‘Alī ibn Yūsuf al-Fairūz Ābādī al- (t.t.), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Shāfi’ī*. Dimashq: Dār al-Bashā’ir.
- Zulkifly Muda (2009), “Hadanah dalam Kes-kes Pertukaran Agama” dalam Najibah Mohd Zin *et al.*, *Undang-undang Keluarga & Prosedur*. Gombak: UIAM.

Statut

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)
- Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004
- Enakmen Pentadbiran Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Hal Agama Islam Terengganu 2001
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Kes

Chang Ah Mee lwn. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah & Lain-lain
[2003] 1 MLJ 106

Genga Devi a/p Chelliah lwn Santanam a/l Damodaram [2001] 2 AMR 1485

Indira Gandhi a/p Mutho lwn. Patmanathan a/l Krishnan – Belum
dilaporkan

*Nedunchelian a/l V Uthiradam v Nurshafiqah binti Mah Singai Annal @
Valarmathy a/p Mah Singai Annal & 9 Ors* [2005] 2 CLJ 306; [2005] 2
AMR 711

Shamala a/p Sathiyaseelan lwn. Dr. Jeyaganesh a/l C Mogarajah [2004] 2
MLJ 241

Teoh Eng Huat lwn. Kadi Pasir Mas [1990] MLJ 301

